

24 DEC 1996

(Sorotan-Wanita)

SUMBANGAN WANITA DIIKTIRAF; MASALAH MEREKA DIBERI PERHATIAN

By: NIN ZAIRANI MOHD ALI

(EMBARGO: Untuk Siaran Pada atau Selepas Khamis, 26 Dis)

KUALA LUMPUR - Sumbangan wanita dalam pelbagai bidang - perkhidmatan awam, kemasyarakatan, politik dan swasta - memang cukup besar dan sewajarnya mereka diberi penghargaan dan pengiktirafan oleh pihak berkuasa dan badan-badan bukan kerajaan (NGOs).

Kini, kaum wanita tidak lagi dilihat sekadar menjadi surirumah yang bertanggungjawab mengasuh anak dan melayan suami, malah lebih dari itu mereka diangkat menjadi penyumbang bersama kaum lelaki ke arah membangun dan memajukan negara.

Perlantikan ramai wanita memegang jawatan penting dalam sektor awam dan swasta membuktikan adanya pengiktirafan itu.

Pada 5 Ogos lepas, ACP Koraiza Abdullah, 52, dilantik menjadi Ketua Polis Daerah Timur Laut (Georgetown) di Pulau Pinang dan sekali gus menjadi pegawai wanita pertama memegang jawatan itu dalam sejarah 189 tahun Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Perlantikan itu membawa erti dan amanah yang besar dalam erti kata Koraiza dipertanggungjawabkan menjaga 70 pegawai dan 1,275 anggota polis daerah itu.

Namun, Koraiza tetap berazam meneruskan usaha memerangi jenayah secara bersepadu bagi membersihkan kegiatan perjudian haram, kongsi gelap, masalah dadah, lalulintas dan kemalangan yang akhir-akhir ini sering mengakibatkan maut.

Menurut Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran) SAC II Syed Abdul Rahman Syed Abdul Kadir, perlantikan Koraiza dibuat berdasarkan perkhidmatan cemerlangnya sejak berkhidmat sebagai inspektor polis pada 1961.

Koraiza, anak kelahiran Alor Gajah, Melaka, itu menggantikan bekas Ketua Polis Daerah Timur Laut ACP Abdul Aziz Nawi.

Seorang lagi wanita yang sering mendapat perhatian dan pengiktirafan dari kerajaan dan NGOs dari dalam dan luar negeri ialah Marina Mahathir, anak kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir, kerana usaha gigihnya menyedarkan orang ramai tentang bahaya Aids.

Dalam politik, kaum wanita memang telah lama diberi pengiktirafan apabila dilantik menjadi menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan juga anggota Majlis Tertinggi Umno.

Perhimpunan Agung Umno Oktober lalu melihat kaum wanita terus memperjuangkan perubahan bila Pergerakan Wanita mengetepikan Datuk Seri Rafidah Aziz dan memilih Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman sebagai ketua barunya. Rafidah menerajui pergerakan itu selama 12 tahun. - lagi.

Apakah perubahan yang diinginkan oleh kaum wanita sehingga mahukan ketua baru?.

Menurut Siti Zaharah yang juga Timbalan Menteri Kesihatan, wanita perlu diberi suatu harapan yang cerah pada masa depan dan menjadi tanggungjawab pemimpin wanita pergerakan itu menunjukkan jalannya.

Katanya, pergerakan Wanita akan diberi suntikan semangat baru untuk mengangkat martabat wanita negara ini.

Menurut beliau, pada masa ini, perjuangan pergerakan wanita tidak jelas sehingga sukar untuk pergerakan itu memenuhi kehendak dan harapan anggota parti dan wanita amnya.

Dalam hal menentukan kebajikan dan hak wanita terus terbela dan diberi perhatian, kerajaan mengambil langkah wajar dengan mengarahkan kajian

semula semua akta yang mengait amalan diskriminasi terhadap wanita.

Kerajaan bersetuju menarik balik semua resolusi dalam akta-akta berkenaan kecuali berhubung dengan kedudukan wanita dari segi hukum syarak dan resolusi berhubung had umur.

Sehubungan itu, pada sambutan Hari Wanita Ogos lepas, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan kajian semula dibuat terhadap kaedah pelaksanaan undang-undang Islam di Mahkamah Syariah.

Perkara ini memang telah lama dibincangkan dan diketengahkan oleh kaum wanita yang merasakan hak mereka dalam soal penceraian dan tuntutan nafkah tidak diberi perhatian serius.

Antara kekecewaan yang sering didengar ialah mereka terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan pengadilan, tidak diberi layanan baik dan apabila keputusan mengenai kes mereka dibuat, keputusan dikatakan selalu menyebelahi lelaki.

Oleh itu, bagi memperbaiki keberkesanan Mahkamah Syariah, usaha kerajaan memberi perhatian kepada beberapa perkara seperti mengenalpasti masalah yang dibangkitkan, umpamanya isteri yang diceraikan tidak mendapat nafkah atau ditaklik tanpa perbincangan dan sebagainya, amat dialu-alukan.

Masyarakat akan kecewa dan hilang kepercayaan dengan sistem perundangan Islam jika hal-hal sedemikian, tidak diperbetulkan segera. Menangguhkan keadilan bererti menafikannya.

Sekalipun sumbangan wanita dalam bidang pekerjaan, politik dan kemasyarakatan boleh dibanggakan, namun sumbangan mereka masih boleh dipertingkatkan lagi.

Walaupun ramai di kalangan mereka sudah menduduki jawatan tinggi, dan banyak tuntutan mereka telah berhasil, namun masih ada hal yang harus diperjuangkan termasuk misalnya memberi lebih banyak peluang kepada wanita memegang jawatan penting terutama di peringkat membuat dasar.

Perjuangan ini harus dilakukan oleh pemimpin-pemimpin wanita sendiri. -

BERNAMA

NZ/rs